

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jika wujud inisiatif yang diambil untuk menjamin keselamatan ke atas semua kanak-kanak di sekolah dan pusat penjagaan di setiap daerah daripada mempunyai akses ke tempat-tempat lain ini. Jika ya, sila nyatakan dan jika tidak mengapa.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius akan isu keselamatan kanak-kanak terutama kanak-kanak di sekolah dan pusat penjagaan.

Bagi menjamin keselamatan murid di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghasilkan Buku Panduan Sekolah Selamat. Antara intipati di dalam Buku Panduan Sekolah Selamat adalah berkaitan dengan keselamatan sekolah daripada pencerobohan orang luar. Pergerakan keluar masuk pelajar dan warga sekolah serta pelawat akan direkod dan dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan kejadian-kejadian yang tidak dingini daripada berlaku. Oleh hal yang demikian, bagi menjamin keselamatan murid semua urusan di sekolah perlu dirujuk kepada pentadbir sekolah terlebih dahulu.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut memastikan dua orang pengawal keselamatan bertugas pada setiap sesi sekolah untuk menjamin keselamatan murid.

Bagi menjamin keselamatan ke atas kanak-kanak di pusat jagaan dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA), Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] digubal bagi memastikan kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan menyeluruh diutamakan.

Pusat jagaan dan TASKA berdaftar wajib mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan terutamanya berkenaan isu keselamatan kanak-kanak di pusat jagaan dan TASKA. Dari semasa ke semasa pegawai yang diberi kuasa akan membuat pemantauan secara berkala dan mengejut bagi memastikan premis berkenaan mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan terutamanya dari segi keselamatan. Rekod-rekod kehadiran, kesihatan, jadual aktiviti dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan akan diperiksa dan disemak bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak terjamin.

Jadual aktiviti yang disediakan juga perlu dipatuhi oleh pengendali pusat jagaan dan TASKA kerana aktiviti yang dilaksanakan ini merupakan salah satu elemen kawalan agar kanak-kanak ini sentiasa berada di dalam premis pusat jagaan mahupun TASKA.